

[PWN(M)005/1/3 ( )]



---

**SURAT PEKELILING  
JABATAN KEWANGAN DAN PERBENDAHARAAN NEGERI MELAKA  
BIL. 2 TAHUN 2012**

---

Semua Pegawai Pengawal,

**GARIS PANDUAN BAGI PENYEDIAAN CADANGAN BELANJAWAN  
TAHUN 2013 DAN 2014**

**TUJUAN**

Surat Pekeliling ini bertujuan untuk memberi panduan bagi penyediaan belanjawan tahun 2013 dan 2014.

**DASAR DAN STRATEGI BELANJAWAN TAHUN 2013 DAN 2014**

2. Ekonomi negara telah mencatat pertumbuhan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) benar sebanyak 5.1 peratus dalam tempoh sembilan bulan pertama tahun 2011 dan dijangka meningkat pada kadar 5.0 hingga 5.5 peratus bagi keseluruhan tahun 2011.
3. Negeri Melaka telah mencapai kemajuan pesat dalam membangunkan ekonomi dan meningkatkan kesejahteraan rakyat, meskipun dalam keadaan persekitaran luar yang mencabar dan berubah-ubah. Walau bagaimanapun, dengan pelaksanaan dasar yang pragmatik dan fleksibel, ekonomi Negeri Melaka terus menunjukkan prestasi yang menggalakkan dan berdaya saing.

4. Kerajaan Negeri Melaka telahpun mencapai 94% iaitu 30 daripada 32 indikator Melaka Maju. Di antara pencapaian yang boleh dibanggakan adalah mencatat kedudukan teratas dalam aspek pembasmian kemiskinan dengan kadar 0.5 peratus, kadar inflasi terendah iaitu 0.1 peratus mengatasi beberapa negara OECD seperti Australia dan Korea serta akses kepada bekalan air dan elektrik mencapai sasaran 100 peratus. Bagi kadar pengangguran, Negeri Melaka terus mencatatkan kadar pengangguran yang terendah di Malaysia bagi tiga suku tahun berturut-turut dalam tahun 2011. Kadar pengangguran bagi suku tahun ketiga adalah 0.7 peratus berbanding Malaysia sebanyak 3.1 peratus.

5. Kerajaan Negeri telah mengambil pendekatan yang sama dengan Kerajaan Pusat dalam menjana pertumbuhan ekonomi negara yang lebih kukuh. Antara pendekatan yang telah diambil ialah meneruskan amalan Bajet Lebihan bagi tahun 2013 dan 2014. Perancangan Bajet Lebihan amat penting bagi mencapai sasaran peningkatan kutipan hasil dan perbelanjaan berhemah di samping memperkukuhkan sistem pengesanan kutipan hasil semasa dan tunggakan hasil. Perancangan Bajet Lebihan memainkan peranan sebagai pemacu pertumbuhan ekonomi negeri di samping bertujuan mencapai hasrat berikut:-

- 5.1 memantapkan program pengurusan hasil dalam menjana hasil yang diperolehi di samping meneroka cara serta punca hasil baru Kerajaan Negeri;
- 5.2 memperkukuhkan kedudukan kewangan negeri melalui perbelanjaan berhemah mengikut kemampuan dengan perbelanjaan kurang perlu diminimumkan dan keutamaan kepada bidang-bidang yang dapat menjana hasil yang tinggi;
- 5.3 menggalakkan pembangunan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT), teknologi pembuatan dan bio-teknologi;
- 5.4 meningkatkan kecekapan, produktiviti dan akauntabiliti anggota sektor awam;
- 5.5 menambahbaik infrastruktur dan kemudahan asas untuk menggalakkan sektor pelancongan dan pembuatan;
- 5.6 merealisasikan hasrat Kerajaan Negeri untuk menjadikan Negeri Melaka Negeri Bandar Teknologi Hijau; dan
- 5.7 meneruskan program sosial dan kesejahteraan rakyat dan penjagaan alam sekitar.

6. Di dalam usaha mencapai hasrat tersebut, beberapa pendekatan dan strategi perlu diutamakan oleh Pegawai Pengawal seperti berikut:-

- 6.1 meningkatkan keupayaan dan kecekapan sistem pentadbiran untuk membantu sektor-sektor yang berkaitan;

- 6.2 menyelaraskan dan mempertingkatkan kemudahan dan perkhidmatan sosial;
  
- 6.3 memantapkan sumber hasil negeri. Di antaranya ialah:
  - i) Mempergiatkan kutipan hasil dan penguatkuasaan;
  - ii) Mengenalpasti sumber-sumber dan kadar hasil yang patut dipungut; dan
  - iii) Menyelenggara dan mengemaskini maklumat/sistem kutipan hasil yang lebih berkesan;
  
- 6.4 memperkukuhkan lagi kedudukan kewangan negeri dengan cara:-
  - i) Melaksanakan langkah-langkah berjimat cermat dan kawalan dalaman yang lebih berkesan;
  - ii) Mengelakkan pembaziran sumber;
  - iii) Mengkaji semula dan mengubahsuai program aktiviti dengan memastikan hanya program aktiviti yang benar-benar menyumbang kepada pencapaian objektif jabatan secara cekap dan berkesan sahaja diberi keutamaan;
  - iv) Mengurangkan kos sesuatu program tanpa menjejaskan produknya; dan
  - v) Meningkatkan keberkesanan pengurusan kewangan.

#### **CADANGAN ANGGARAN HASIL 2013 DAN 2014**

7. Pegawai Pengawal hendaklah memberi perhatian yang serius dalam menyediakan Anggaran Hasil Tahun 2013 dan 2014. Jumlah anggaran hasil hendaklah seboleh-bolehnya tepat dan sebenarnya boleh dikutip. Untuk tujuan ini cadangan anggaran hasil hendaklah disediakan dengan mengambil kira perkara-perkara berikut:-

- 7.1 Meneliti rekod prestasi kutipan hasil dua (2) tahun kebelakangan;
- 7.1 Perubahan dasar atau peraturan atau kadar; dan
- 7.1 Kemampuan mengutip tunggakan hasil.

8. Setiap butiran hasil yang disediakan hendaklah mengandungi perkiraan yang terperinci dengan memberi asas-asas yang tepat mengenai kadar, jumlah dan sebagainya yang menentukan jumlah setiap jenis hasil sepatutnya dipungut bagi satu-satu tahun.

9. Pegawai Pengawal/Pemungut hendaklah menyatakan keupayaan untuk memungut setiap jenis hasil bagi tahun semasa dan keupayaan untuk memungut tunggakan terkumpul tahun-tahun sebelumnya seperti berikut:-

- 9.1 Jumlah hasil bagi tiap-tiap jenis hasil yang sebenar dan sepatutnya dipungut bagi tahun 2011;

- 9.2 Anggaran bagi tiap-tiap jenis hasil yang boleh dipungut dalam tahun semasa (2012);
- 9.3 Jumlah tunggakan tiap-tiap jenis hasil yang terkumpul tahun sebelum yang boleh dipungut dalam tahun 2012.

10. Sekiranya cadangan anggaran hasil tahun 2013 dan 2014 mempunyai perbezaan pertambahan atau kurangan yang ketara dengan anggaran hasil tahun 2011 dan 2012, maka Pegawai Pengawal/Pemungut adalah dipohon memberi sebab-sebab kenapa terdapatnya perbezaan dan perkiraan mengenainya disediakan.

### **PENYEDIAAN CADANGAN PERBELANJAAN MENURUS**

11. Pegawai Pengawal diminta mengamalkan pengurusan kewangan berhemat dengan melaksanakan program dan aktiviti secara paling cekap, ekonomi dan berkesan. Dalam hubungan ini, Pegawai Pengawal semasa menyediakan cadangan perbelanjaan mengurus hendaklah memberi perhatian kepada perkara-perkara berikut:-

- 11.1 program dan aktiviti hendaklah dinilai dan diubahsuai, di mana perlu, mengikut keadaan/keperluan semasa;
- 11.2 program dan aktiviti yang didapati tidak lagi sesuai perlu diberhentikan;
- 11.3 pertindihan fungsi sama ada di dalam agensi mahupun di antara agensi perlu dielakkan sama sekali;
- 11.4 keutamaan perbelanjaan disusun semula dengan tumpuan diberikan kepada program dan aktiviti yang dapat menyumbang kepada pencapaian tujuan jabatan secara cekap dan berkesan;
- 11.5 faktor keupayaan untuk melaksanakan program dan aktiviti oleh jabatan perlu diambil kira;
- 11.6 garis panduan yang dikeluarkan dan masih berkuat kuasa berkenaan pengawalan perbelanjaan awam khususnya Pekeliling Perbendaharaan Bil. 7 Tahun 2008 dan Pekeliling Perbendaharaan Bil. 9 Tahun 2008 perlu dipatuhi;
- 11.7 penyelenggaraan aset Kerajaan termasuk bangunan, peralatan dan kelengkapan perlu diberi keutamaan; dan
- 11.8 peruntukan emolumen disediakan secukupnya.

12. Formula pengiraan Batas Perbelanjaan bagi tahun 2013 adalah seperti berikut:-

**Batas Perbelanjaan 2013 = Dasar Sedia Ada 2012 + [Dasar Baru 2012 – Peruntukan Aset] – Dasar Baru 2011 Yang Tidak Dilaksanakan + 2% Kenaikan Untuk Emolumen\***

\* kenaikan 2% adalah untuk emolumen adalah berdasarkan peruntukan emolumen (Objek Am 10000) tahun 2012.

13. Bagi tahun 2014, jabatan dikehendaki menyediakan Batas Perbelanjaan berpandukan formula pengiraan serta Batas Perbelanjaan 2013 dan cadangan Dasar Baru 2013. Dalam menyediakan Batas Perbelanjaan tersebut, Pegawai Pengawal dipohon mengambil perhatian bahawa permohonan peruntukan bajet tahunan hendaklah tidak melebihi Batas Perbelanjaan yang telah ditetapkan.

14. Dalam mengemukakan permohonan Dasar Baru dan *One-Off*, Pegawai Pengawal hendaklah memberi perhatian kepada perkara-perkara berikut:-

- 14.1 permohonan Dasar Baru telah mendapat kelulusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) atau yang berkaitan sebelum permohonan peruntukan dikemukakan;
- 14.2 nilai *Threshold* ditolak daripada cadangan perbelanjaan Dasar Baru/*One-Off*; dan
- 14.3 Cadangan Penjimatan hendaklah dikemukakan sekiranya terdapat penjimatan kos hasil daripada pemansuhan atau pengecilan skop Dasar Sedia Ada atau perubahan proses.

#### **PENYEDIAAN CADANGAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN**

15. Tahun 2013 merupakan tahun ketiga di bawah Rancangan Malaysia Ke-Sepuluh (RMKe-10). Kerajaan Negeri akan terus melaksanakan inisiatif ke arah mentransformasikan Negeri Melaka sebagai sebuah negeri maju yang berpendapatan tinggi dan merealisasikan hasrat untuk menjadi Negeri Bandar Teknologi Hijau. Pegawai Pengawal hendaklah memastikan peruntukan yang diluluskan digunakan dengan optimum supaya pelaksanaan projek berjalan lancar seperti yang dijadualkan. Agensi pelaksana perlu memastikan bahawa nilai wang (*value for money*) bagi setiap perbelanjaan yang dilakukan ke atas projek pembangunan menghasilkan output maksimum yang menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi.

16. Pegawai Pengawal hendaklah memastikan peruntukan yang dipohon telah mengambil kira keupayaan melaksana oleh semua pihak berkenaan berasaskan perancangan yang rapi serta keperluan aliran tunai sebenar bagi tahun tersebut. Bagi tujuan ini, jabatan dikehendaki menyediakan jadual kerja bagi setiap projek dengan menyenaraikan semua aktiviti dan tempoh siap serta peruntukan kewangan yang diperlukan untuk setiap peringkat aktiviti. Pemantauan secara berkala ke atas projek-projek yang telah diluluskan harus dilaksanakan bagi memastikan setiap projek yang dirancang dapat disiapkan mengikut tempoh masa dan kos yang telah ditetapkan.

17. Pegawai Pengawal dikehendaki menyediakan peruntukan *token* pada tahun 2013 bagi projek-projek yang pelaksanaan fizikalnya dirancang bermula pada tahun 2014 untuk membiayai kerja-kerja awalan projek seperti pengambilan balik tanah, kajian kesesuaian tanah, kajian kemungkinan serta urusan dokumentasi tender. Tindakan ini bertujuan supaya projek dapat dilaksanakan dengan lebih licin dan mengikut jadual yang telah ditetapkan.

## **PERJAWATAN**

18. Kerajaan Negeri akan memastikan jumlah perjawatan dalam perkhidmatan awam terus terkawal bagi memastikan jabatan Kerajaan mempunyai saiz yang bersesuaian dengan tugas dan fungsi yang perlu dilaksanakan. Di dalam menimbang penyusunan semula struktur organisasi dan pengukuhan perjawatan, Kerajaan Negeri akan terus berpandukan kepada dasar-dasar sedia ada seperti menggalakkan pertumbuhan ekonomi mapan, meningkatkan aktiviti-aktiviti penguatkuasaan, mempergiatkan aktiviti penyelidikan dan pembangunan serta dan meningkatkan aktiviti pembangunan sosial.

19. Sebelum permohonan penyusunan semula struktur organisasi dan pengukuhan perjawatan dikemukakan, semua Pegawai Pengawal dikehendaki menilai semula sistem dan proses kerja masing-masing dengan memberi tumpuan kepada usaha meningkatkan penyampaian perkhidmatan serta memastikan tenaga manusia digunakan secara optimum.

## **PENYAMPAIAN CADANGAN BELANJAWAN 2013 DAN 2014**

20. Penyediaan cadangan perbelanjaan hendaklah mengikut format borang dan peraturan berikut:-

- 20.1 Format Cadangan Perbelanjaan Mengurus Bagi Maksud Tanggungan dan Bekalan seperti di **Lampiran A**;
- 20.2 Format Cadangan Perbelanjaan Pembangunan seperti di **Lampiran B**;
- 20.3 Format Maklumat Bagi Badan Berkanun dan Agensi Yang Mengamalkan Sistem Perakaunan Perdagangan (PDG) seperti di **Lampiran C**;
- 20.4 cadangan perbelanjaan 2013 dan 2014 hendaklah dikemukakan tidak lewat daripada 31 Mac, 2012 mengikut kalendar seperti di **Lampiran D**; dan
- 20.5 bilangan naskhah dokumen yang diperlukan seperti di **Lampiran E**.

21. Di samping mengemukakan cadangan perbelanjaan dalam bentuk dokumen, jabatan adalah dipohon mengemukakan *softcopy* dalam bentuk disket dengan menggunakan perisian *MS-Excel* bagi format-format ABM-7 dan format ABP 1 kepada Bahagian Belanjawan dan Pinjaman, Jabatan Kewangan dan Perbendaharaan Negeri.

## **LAPORAN BAJET PROGRAM DAN PRESTASI**

22. Pegawai Pengawal dikehendaki mengemukakan Laporan Bajet Program dan Prestasi tahunan sebaik sahaja cadangan belanjawan tahunan disediakan. Laporan ini hendaklah dihantar kepada Bahagian Belanjawan dan Pinjaman, Jabatan Kewangan dan Perbendaharaan Negeri sebelum 30 April, 2012 untuk anggaran belanjawan 2013 dan 30 April, 2013 untuk anggaran belanjawan 2014. Penerangan terperinci mengenai cara-cara serta format penyediaan Laporan Bajet Program dan Prestasi adalah seperti di **Lampiran F**.

23. Semasa menyediakan laporan, Pegawai Pengawal adalah dikehendaki mengambil perhatian terhadap sebarang perubahan ke atas struktur Program dan Aktiviti yang diluluskan.

## **PEMERIKSAAN BELANJAWAN TAHUN 2013 DAN 2014**

24. Pemeriksaan Cadangan Anggaran Perbelanjaan Mengurus dan Cadangan Anggaran Hasil dengan Jabatan-jabatan oleh Pegawai Kewangan Negeri akan diadakan mulai bulan April 2012 mengikut jadual seperti di **Lampiran G**. Pegawai Pengawal sendiri dikehendaki hadir dengan dibantu oleh Pegawai-pegawai yang terlibat secara langsung dengan pengurusan kewangan Jabatan serta membawa dokumen-dokumen seperti berikut:-

- 24.1 Cadangan Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tahun 2013 dan 2014;
- 24.2 Cadangan Anggaran Hasil Tahun 2013 dan 2014;
- 24.3 Buku Vot Tahun 2011 dan 2012;
- 24.4 Senarai Inventori Jabatan; dan
- 24.5 Surat/Dokumen lain yang menyokong permohonan peruntukan dalam Cadangan Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tahun 2013 dan 2014.


## **PENUTUP**

25. Dalam menyediakan Cadangan Anggaran Perbelanjaan Tahun 2013 dan 2014, Pegawai Pengawal yang memerlukan maklumat lanjut atau bantuan bolehlah menghubungi Jabatan Kewangan dan Perbendaharaan Negeri. Surat Pekeliling ini dan format penyediaan Bajet 2013 dan 2014 boleh dimuat turun melalui laman web di alamat <http://www.jkpnm.com.my>.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

**“MELAKA MAJU NEGERIKU SAYANG, NEGERI BANDAR TEKNOLOGI HIJAU”**

Saya yang menurut perintah,



**(DATUK HAJI NAIM BIN ABU BAKAR)**

Pegawai Kewangan Negeri,  
**MELAKA.**

13 Februari 2012

s.k.: YB Setiausaha Kerajaan Negeri,  
**MELAKA.**

Pengarah  
Jabatan Audit Negara Cawangan Negeri Melaka,  
**MELAKA.**